

Headline	Kedah sasar lapan pingat emas		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	23 Jun 2013	Language	Malay
Circulation	120,848	Readership	269,000
Section	Sukan	Color	Full Color
Page No	68	ArticleSize	261 cm ²
AdValue	RM 3,127	PR Value	RM 9,381



Kedah sasar lapan pingat emas

Oleh AHMAD SYAHIR KASSIM
syahir.kassim@kosmo.com.my

KONTINJEN Kedah meletakkan sasaran untuk berada di tempat keempat dengan kutipan lapan pingat emas pada Sukan Malaysia (Sukma) 2013 di Kuala Lumpur pada 28 Jun hingga 7 Julai.

Menteri Besar, Datuk Mukhriz Mahathir berkata, lapan emas itu hanya sasaran minimum dan mahu para atlet berusaha lebih gigih bagi membawa pulang lebih banyak pingat emas.

"Kami realistik (pingat emas) dan sasaran yang dibuat adalah berdasarkan prestasi serta tahap kecergasan atlet kerana ada dalam kalangan mereka yang cedera.

"Kami berharap para atlet melakukan yang terbaik dan

membawa pulang lebih banyak pingat emas untuk Kedah," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan bendera kepada kontinjen Kedah di Pusat Sukan Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok semalam.

Turut hadir Pengerusi Belia dan Sukan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan serta Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) negeri, Aminuddin Omar yang juga Ketua Kontinjen Kedah pada Sukma kali ini.

Kontinjen Kedah menyertai 16 daripada 20 acara yang dipertandingkan dengan menghantar seramai 145

atlet lelaki dan 97 wanita.

Menurut Mukhriz, antara pasukan yang berpotensi menyumbang pingat emas ialah bola tam-

par pantai (wanita), ping pong, muay thai, silambam, bola baling (wanita) dan ragbi.

"Kesemua sukan ini adalah antara yang kita beri perhatian dan mempunyai peluang cerah untuk menyumbangkan pingat emas kepada Kedah. Bersama-sama tunjuk kepada negeri lain semangat juang pasukan hijau kuning pada Sukma kali ini,"

katanya.

Tambahnya, kerajaan negeri juga akan memberikan ganjaran sebanyak RM3,000 kepada atlet yang menyumbang pingat emas, RM2,000 bagi pingat perak dan RM1,000 untuk pingat gangsa.

"Bagi acara berpasukan, kerajaan negeri akan menyumbang jumlah ganjaran berdasarkan prestasi, pingat yang diperolehi dan bilangan ahli di dalam pasukan," katanya.

Dalam pada itu, Mukhriz memberitahu, UUM juga membuka peluang kepada atlet-atlet Kedah melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang di universiti itu bagi mengimbangi bidang sukan dan akademik.

Headline	Kedah sasar lapan pingat emas		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	23 Jun 2013	Language	Malay
Circulation	120,848	Readership	269,000
Section	Sukan	Color	Full Color
Page No	68	ArticleSize	261 cm ²
AdValue	RM 3,127	PR Value	RM 9,381



MUKHRIZ (kiri) diperkenalkan kepada para atlet selepas majlis penyerahan bendera kepada kontinjen Kedah di UUM, Sintok semalam.